

# DEB berkesan erat perpaduan

BH - 27/6/2009

## Ulasan Rommel contoh prasangka Barat terhadap kemakmuran Malaysia



Aspirasi

Bersama

Radzi Latif

E-mel: radzilatif@yahoo.com

**K**ENYATAAN Duta dan Ketua Perwakilan Suruhanjaya Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) tercetus beberapa hari selepas perbincangan mengenai Legasi Allahyarham Tun Abdul Razak diadakan 15 Jun lalu.

Disebabkan Allahyarham adalah arkitek DEB, maka sepanjang perbincangan dua hari itu, banyak isu membabitkan DEB dibangkitkan. Rommel dipetik agensi berita asing Khamis lalu, sebagai mengatakan DEB tidak membantu kaum lain dan syarikat asing melabur di Malaysia.

Berikutan itu, beliau meminta Malaysia mengkaji semula beberapa dasar masih diamalkan ketika DEB hingga kini. Walaupun tempoh DEB dilancarkan pada 1970 sudah berakhir pada 1990, ia tetap menjadi isu kontroversi sehingga hari ini.

Ia jelas menunjukkan semangat atau roh DEB terus wujud dalam jiwa orang Melayu dan bukan Melayu. Ia bukan saja wujud di kalangan orang Melayu atau Bumiputera, malah orang asing daripada serata dunia.

Namun, berasas kepada prinsipnya, tidak ada sebab orang seperti Rommel mahu mengeruhkan suasana di negara ini atas kedudukannya sebagai diplomat asing. Atas dasar itulah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberi amaran kepadanya agar jangan mencampuri urusan atau dasar dilaksanakan di negara ini kerana tindakan itu bertentangan amalan konvensyen antarabangsa.

Paling penting, Rommel perlu bercakap berasas kepada fakta, apatah lagi tugas beliau sepatutnya berusaha mengeratkan hubungan Malaysia dengan negara di Eropah, bukan mencefuskan konfrontasi.

Faktanya ialah DEB bukan dirumus orang Melayu tanpa merujuk kepada kaum lain. DEB dibincang dengan rakan dalam Kerajaan Perikatan ketika itu, termasuk mendiang Tun Tan Siew Sin selaku pe-

mimpin MCA dan pemimpin daripada kaum lain. DEB juga dibincangkan Kabinet sebelum ia dibentangkan di Parlimen dan diluluskan.

Untuk mengatakan DEB tidak adil, adalah kesalahan fakta yang jelas. Kegagalan pada kerajaan hanyalah kerana ia tidak memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada dunia mengenai DEB, mungkin kerana berpendapat tidak perlu dihebohkan kerana ia lebih kepada urusan dalam negara. Sekalipun ia dijelaskan, ada kemungkinan juga DEB akan dimanipulasi.

Walau apa jua alasannya, isu DEB tetap subur dan berjaya menyentak pemikiran orang asing terhadap Malaysia. Tindakan Rommel membangkitkan isu itu mengingatkan rakyat Malaysia bahawa bukanlah mudah merumus dan melaksanakan satu-satu dasar di negara ini kerana ia sentiasa mendapat perhatian orang luar.

Bagi orang Melayu, mereka juga perlu sedar bukan semudah itu menolong mereka. Oleh itu, mereka perlu bangkit sendiri untuk memperbaiki taraf hidup. Biasanya, orang asing hanya melihat perkara yang sensitif dan negatif terhadap negara ini sedangkan apa juga kebaikan dicetuskan daripada sesuatu dasar itu, bukan menjadi perkiraan penting bagi mereka.

Bagi orang Barat, atas nama superioriti, mereka boleh melakukan apa saja kepada kaum yang lemah. Malah, mereka boleh menakluk negara lain, melakukan percaturan merampas kekayaan sesebuah negara menerusi tindakan ekonomi, mengenakan larangan terhadap negara yang ingkar dengan keputusan mereka, malah sanggup menghantar tentera untuk menggempur sesebuah negara.

Bagi bangsa seperti ini, mereka beranggapan hanya mereka saja yang layak melakukan sebarang hukuman terhadap orang lain. Jika mereka membunuh akibat peperangan yang mereka cipta menggunakan senjata nuklear yang haram bagi orang lain, tetapi halal bagi mereka, ia tidak bersalah bagi mereka.

Jika mereka mahu melakukan pembersihan etnik, ia dianggap sebagai hak asasi bagi mereka. Lihatlah kesengsaraan rakyat Palestin hingga ke hari ini.

Adakah mereka ambil peduli? Mereka memperalatkan Pertubuhan Bangsa-Bang-

sa Bersatu (PBB) dan menggunakan kuasa veto, tanpa ada orang berani mengatakan mereka melakukan sesuatu yang salah kepada dunia.

Lihat apa berlaku ke atas Iraq yang hingga ke hari ini tidak terbukti senjata pemusnah besar-besaran disembunyikan negara itu, sedangkan bumi negara itu sudah menjadi padang jarak padang tekukur.

Mereka angkuh mencampuri urusan rumah tangga orang lain seperti Al-Gore menimbulkan polemik terhadap kerajaan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad pada suatu masa dulu dan bekas Perdana Menteri itu juga dianggap sebagai keras kepala atau kepala batu oleh Perdana Menteri Australia, John Howard, walaupun Australia juga tidak lekang daripada pandangan dunia kerana ia juga mengamalkan sifat perkauman menebal.

Oleh itu, tidak hairanlah mereka juga melihat DEB dari sudut perkauman, bagi menidakkan apa yang mereka turut lakukan. Mereka tidak melihatnya dari sudut penyusunan semula masyarakat atau penyusunan struktur sosial rakyat Malaysia ditinggalkan penjajah.

Mereka lupa struktur kependudukan rakyat negara ini dicatur penjajah. Sekalipun mereka melihat DEB sebagai satu dasar berat sebelah dan pilih kasih, apakah mereka tidak pernah melihat statistik kedudukan Bumiputera dan bukan Bumiputera dan kaum lain di negara ini.

Jika orang Melayu mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh dan menguasai ekonomi, melebihi kaum lain, sedangkan kerajaan masih membantu, manakala kaum lain terus diabaikan, maka ini boleh dikatakan pilih kasih dan tidak adil.

Tetapi, apa sebenarnya berlaku adalah sebaliknya. Bumiputera masih baru dalam mencari kedudukan lebih selesa. Perjalanan Bumiputera untuk merapatkan jurang dengan kaum bukan Bumiputera, masih jauh. Atas dasar ketidakseimbangan boleh mencetuskan ketidakstabilan, maka itulah DEB dicetuskan berikutan tragedi 13 Mei 1969 dan mengambil iktibar daripada tragedi berdarah itu.

Bagi orang Melayu dan Bumiputera, mereka sepatutnya sedar sebarang usaha menyusun semula kedudukan mereka sentiasa diperhati dan mendapat tentangan.

Tentangan daripada Rommel ini boleh dianggap kecaman daripada bangsa penjajah yang pernah menakluki negara ini.

Kita tidak pasti apakah tindakan ini dilakukan akibat dendam kesumat kerana melepaskan negara ini daripada tanah jajahan mereka 50 tahun lalu atau ada faktor lain tersirat. Ironinya, tentangan biasanya datang dari luar, bukan dari dalam. Selepas 1970, Malaysia menghadapi sekurang-kurangnya tujuh pilihan raya umum.

Dalam semua pilihan raya itu, Barisan Nasional (BN) atau sebelumnya Perikatan, menang dan menubuhkan kerajaan. Disebabkan BN dianggotai parti berteraskan kaum seperti MCA, MIC, Gerakan dan parti lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, maka dengan ini kita menolak sekeras-kerasnya andaian Ketua Perwakilan Suruhanjaya Eropah ke Malaysia itu.

Setidak-tidaknya beliau perlu mengkaji sejarah pilihan raya Malaysia dan untuk faham mengenai struktur sosial, beliau perlu belajar sejarah Malaysia. Komen hendaklah berasaskan fakta, bukan fantasi.

Rommel sebenarnya tiada alasan kukuh mengatakan bahawa DEB tidak membantu kaum lain. Dalam politik Malaysia, perjuangan menjaga kepentingan sesuatu kaum dilakukan menerusi parti masing-masing, umpamanya, kaum Cina menerusi MCA dan India melalui MIC.

Begitu juga parti lain bertunjangkan kepada kaum masing-masing. Usul dan resolusi dicetuskan parti mengenai nasib bangsa mereka dibawa ke pengetahuan Dewan Tertinggi BN, seterusnya kepada Kabinet.

Dalam kerajaan, menteri dilantik adalah mewakili parti bertunjangkan kepada kaum. Bagi parti yang mana anggotanya membabitkan semua kaum, peranannya agak lebih meluas. Parti tidak memperjuangkan nasib anggotanya tidak akan dapat bertahan lama kerana ada parti pembangkang yang mengambil kesempatan daripada dasar parti berkenaan. Rommel terlepas pandang terhadap bentuk kerjasama yang sentiasa wujud di kalangan rakyat Malaysia.

**Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)**